

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Motor – Motosikal

Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Motor.

Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah Produk Insurans Motor Motosikal?

Polisi ini menyediakan perlindungan yang paling luas, iaitu kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga, kerugian atau kerosakan harta benda pihak ketiga dan kerugian atau kerosakan kepada kenderaan anda sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan, kecurian atau kemalangan.

2. Apakah jenis-jenis perlindungan / faedah yang diberi?

| Perlindungan | Komprehensif | Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian | Pihak Ketiga ^{Tariff} |
|---|--------------|------------------------------------|--------------------------------|
| Liabiliti kepada Pihak Ketiga akibat: <ul style="list-style-type: none"> • Kecederaan tubuh badan • Kematian • Kerugian/kerosakan harta benda | ✓ | ✓ | ✓ |
| Kerugian/kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan atau kecurian | ✓ | ✓ | ✗ |
| Kerugian/kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kemalangan | ✓ | ✗ | ✗ |

Pilihan faedah yang memerlukan premium tambahan:

- Semua Penunggang

Pilihan faedah diatas adalah tidak lengkap. Sila rujuk ke cawangan atau ejen untuk mendapatkan pilihan faedah tambahan yang lain.

Nota:

- i) Adalah menjadi satu kesalahan dibawah undang-undang **Republik Singapura** bagi memasuki negara tersebut tanpa perlindungan kepada penumpang keatas insurans motor kenderaan anda.
- ii) Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar untuk Komprehensif dan Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian?

Untuk perlindungan bukan tarif, jumlah premium yang perlu anda bayar berbeza-beza bergantung kepada kemungkinan tuntutan yang dibuat pada masa hadapan dibawah polisi anda dengan mengambil kira pelbagai faktor, sebagai contoh nilai insurans kenderaan, umur kenderaan, buatan dan model, umur orang yang diinsuranskan, pengalaman pemilik dan pemandu kenderaan, lokasi dan alamat kenderaan disimpan dan kelayakan diskau tanpa tuntutan (NCD) dan lain-lain.

4. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar untuk Pihak Ketiga^{Tariff}?

Untuk perlindungan tarif, jumlah premium yang perlu anda bayar berbeza-beza bergantung kepada kelayakan diskau tanpa tuntutan (NCD), keupayaan enjin, umur kenderaan, umur orang yang diinsuranskan, dan lain-lain keperluan penguderaitan.

5. Apakah jenis yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan caj-caj yang anda perlu bayar adalah:

| Jenis | Amaun |
|--|----------------------|
| Cukai Perkhidmatan | 6% daripada premium |
| Duti Setem | RM10.00 |
| Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara | 10% daripada premium |

6. Apakah kunci terma-terma dan syarat-syarat yang harus saya ambil perhatian?

- Klaus Purata diguna pakai jika kenderaan diinsuranskan pada jumlah kurang/lebih daripada nilai pasaran melebihi 10% pada masa kerugian. Oleh yang demikian, adalah penting untuk anda memastikan kenderaan anda diinsuranskan secukupnya untuk mengelakkan daripada terkurang atau terlebih insurans.
- Ekses (Lebihan jumlah kerugian yang perlu anda tanggung bergantung kepada keupayaan enjin motosikal anda apabila berlaku tuntutan kerosakan motosikal).
- "Betterment" akan dikenakan jika alat lama diganti dengan alat francais baru semasa membaiki kerosakan kenderaan (umur kenderaan adalah lima tahun dan ke atas) akibat kemalangan. Anda akan menanggung perbezaan kos terbabit (bergantung kepada umur kenderaan anda) kerana kenderaan anda yang telah dibaiki kini berada dalam keadaan yang lebih baik berbanding sebelum ia ditimpa kemalangan.

7. Kepentingan Pendedahan yang harus saya ambil perhatian?

- Kontrak Insurans Pengguna**

Jika insurans yang anda pilih ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesi anda, anda bertanggungjawab mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) iaitu, anda sepatutnya menjawab semua soalan dengan tepat dan sepenuhnya. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab apa-apa soalan boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda mengikut remedai-remedi yang diperuntukan di bawah Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan lain-lain perkara yang anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda berkuat kuasa, semasa memohon dengan kami untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

- Kontrak Insurans Komersial**

Jika insurans yang anda pilih ini berkaitan sepenuhnya dengan perdagangan, perniagaan atau profesi anda, anda bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai, serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda berkuat kuasa, semasa memohon dengan kami untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

8. Berapakah nilai insurans yang sepatutnya untuk kenderaan saya?

Anda hendaklah menginsuranskan kenderaan anda berdasarkan nilai harga pasaran kenderaan tersebut semasa anda memohon polisi insurans motor. Nilai ini juga disebut sebagai Nilai Insurans kenderaan anda di dalam polisi motor.

9. Apakah yang berlaku sekiranya kenderaan saya diinsuranskan lebih rendah daripada nilai pasaran?

Anda akan dianggap menginsuranskan sendiri perbezaan nilai tersebut, iaitu, jika berlaku kerugian atau kerosakan, anda akan hanya dibayar sebahagian gantirugi (setakat bahagian yang diinsuranskan) oleh kami.

10. Apakah yang berlaku sekiranya kenderaan saya diinsuranskan lebih tinggi daripada nilai pasaran?

Sekiranya anda menginsuranskan kenderaan anda pada jumlah yang lebih tinggi daripada nilai pasaran, pembayaran gantirugi maksimum yang akan anda terima adalah nilai pasaran kenderaan tersebut kerana anda tidak boleh "mendapat keuntungan" daripada tuntutan insurans motor.

11. Apakah pengecualian-pengecualian dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, seperti:

- Kematian atau kecederaan anggota diri sendiri akibat kemalangan
- Liabiliti terhadap tuntutan daripada penumpang-penumpang dalam kenderaan anda;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat kejadian alam seperti banjir, ribut dan tanah runtuhan; dan
- Segala kerugian turut, susut nilai, haus dan lusuh, karat dan kakisan, kegagalan/kerosakan mekanikal atau elektrik atau elektronik.

Nota:

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk melihat keseluruhan pengecualian di bawah polisi ini.

12. Bolehkah saya membatalkan polisi insurans saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat Insurans. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat pengembalian premium berdasarkan kadar jangka pendek, dimana sebarang premium minima dibayar di bawah polisi ini tidak boleh dipulangkan.

13. Apa yang patut saya lakukan sekiranya ada perubahan maklumat?

Adalah penting untuk anda menghubungi kami bagi sebarang perubahan maklumat bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

14. Apa yang perlu anda tahu apabila membuat tuntutan?

- Buat laporan polis dalam masa 24 jam.
- Maklumkan syarikat insurans anda secara bertulis dengan memberi butir-butir lengkap dalam tempoh 7 hari selepas kejadian yang mungkin menjadi subjek sesuatu tuntutan di bawah polisi ini dan lengkapkan borang tuntutan dengan lengkap dan kembalikan kepada kami dalam tempoh masa 21 hari daripada tarikh pemberitahuan.
- Tuntutan kerosakan sendiri kereta persendirian – apabila membuat tuntutan, kerosakan kenderaan mestilah dikendalikan oleh bengkel panel yang diluluskan oleh kami.

15. Dimanakah boleh saya mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkaitan insurans motor, sila rujuk kepada buku kecil *infoinsurans* untuk "Insurans Motor" yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh dapatkan salinan dari ejen insurans atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my untuk maklumat lanjut.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
Talian Bebas : 1-800-88-6333
E-mel : customer@kurnia.com
Laman Web : www.kurnia.com

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN NILAI YANG BERSESUAIAN KERANA IA AKAN MEMBERI KESAN KE ATAS JUMLAH YANG ANDA BOLEH TUNTUT. APABILA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. SEKIRANYA ANDA MEMPUNYAI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA BUKANLAH PIHAK YANG BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGEJELAKAN TUNTUTAN KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA. ANDA HARUS BACA DAN FAHAMI KANDUNGAN POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenken di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Maklumat yang terkandung dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 1 September 2018.